

## Manis gula

ENAM bulan dahulu kekurangan bekalan, kenaikan harga gula mentah di pasar dunia dan kemungkinan harga gula dunia kekal tinggi telah memaksa Kerajaan tunduk kepada desakan pekilang dan penjual gula untuk menaikkan harga bahan itu dari 65 sen sekati September lalu kepada \$1.05 sen sekati pada hujung Januari tahun ini. Soalnya sekarang dengan bekalan yang mencukupi, malah melebihi, harga pasaran dunia yang telah turun lebih dari 60 peratus dari kadar yang paling tinggi Oktober lalu dan dengan kemungkinan harga pasaran dunia akan tetap rendah, jika tidak terus menurun hingga hujung tahun ini, adakah harga gula tempatan akan turun. Setakat ini kedudukan Kerajaan dalam perkara ini jelas. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed, Isnin lalu, menegaskan bahawa harga gula akan diturunkan. Cuma banyak mana dan bila sahaja belum dipastikan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Lew Sip Hon, awal Mei dulu membayangkan jika Kerajaan memutuskan untuk menurunkan harga sekalipun kadar pengurangan itu tidaklah akan terlalu besar dan langkah ini pula tidaklah dapat diambil dengan serta merta. Kita tidak sukar menerima hakikat bahawa harga jualan gula tempatan tidaklah terikat terus atau 100 peratus dengan harga gula mentah di pasaran dunia. Kita mendapat 50 peratus dari bekalan gula mentah negara dari kontrak jangka panjang dengan Australia dan Fiji yang akan terus berkuatkuasa hingga 1983. Sebahagian (10 peratus) dari gula mentah kita dihasilkan dari pengeluaran tempatan. Oleh itu hanya kira-kira 40 peratus sahaja dari keperluan kita didapati terus dari pasaran dunia.

Tetapi kejatuhan harga gula dunia yang begitu besar, kemungkinan harga bahan tersebut kekal rendah hingga penghujung tahun ini dan memandangkan yang jumlah 40 peratus itu juga bukannya kecil tentulah menguatkan harapan orang ramai untuk melihat harga gula turun. Lagi pun harga gula kontrak jangka panjang kita dikajisemula setiap tahun berdasarkan purata harga gula di pasaran dunia dan dengan itu tetap tertakluk kepada perubahan harga berkenaan. Dari satu segi lain pengurangan permintaan gula dunia disebabkan penggunaan bahan gantian seperti sirap jagung yang bertambah meluas oleh pembuat-pembuat minuman ringan (pengguna gula pasir yang terbesar di dunia) dan penambahan pengeluaran oleh negara-negara pengeluar akan tetap menekan harga dunia yang rendah sekarang sekurang-kurangnya hingga hujung tahun ini. Oleh itu asas untuk menurunkan harga gula tempatan memanglaif kuat. Kepentingan pengguna dalam hal ini patutlah diutamakan.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia